

UCAPAN
YBHG. DATUK SERI NURMALA ABD. RAHIM
KETUA SETIAUSAHA
KEMENTERIAN PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI

PENUTUPAN KURSUS ASAS TEKNOLOGI TANAMAN KOKO
DAERAH RANAU, SABAH

SELASA, 11 FEBRUARI 2014
KINABALU MOUNT HERITAGE RESORT & SPA
KUNDASANG, RANAU, SABAH

Yang Berusaha Dr. Lee Choon Hui
Ketua Pengarah
Lembaga Koko Malaysia

Yang Berusaha Dr. Ramle Hj Kasin
Pengarah
Bahagian Pemindahan dan Pengembangan Teknologi

Dif-dif jemputan, Para Peserta kursus,

Tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian,

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Selamat Sejahtera dan Salam 1 Malaysia,

Bersyukur kita kehadiran Ilahi kerana dengan limpah kurnia dan IzinNya, dapat kita bersama-sama dalam Majlis pada pagi ini. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Lembaga Koko Malaysia (LKM) di atas jemputan merasmikan Penutupan Kursus Asas Teknologi Tanaman Koko Bagi Program Tanaman Baru 2014. Saya merasa gembira kerana mendapat peluang untuk bersua-muka dengan tuan-tuan dan puan-puan.

2. Terima kasih juga kepada Lembaga Koko Malaysia kerana memberi peluang kepada penduduk-penduduk Daerah Ranau untuk menggiatkan aktiviti penanaman koko. Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada para petani yang berjaya menyertai Program Tanaman Baru Koko 2014.

3. Koko merupakan antara tanaman komoditi utama selain Sawit, Getah, Lada dan Kenaf. Pada tahun 2013, industri koko dianggarkan menyumbang pendapatan eksport bernilai RM3.25 bilion. Sektor hulu atau sektor pengeluaran biji koko masih belum dapat mengimbangi keperluan sektor hiliran atau sektor pemprosesan. Pada tahun 2013, pengeluaran biji koko adalah sebanyak 2,809 tan. Jumlah ini masih belum mampu untuk memenuhi keperluan para kilang pengisar koko tempatan yang mempunyai kapasiti pengisaran sebanyak 300,000 tan. Bagaimanapun, pengeluaran biji koko dijangka akan meningkat pada tahun-tahun akan datang dengan adanya bantuan kepada para pekebun kecil dari segi input pertanian dalam bentuk bahan tanaman koko berkualiti dan baja.

4. Bagi mengurangkan kebergantungan kepada biji koko yang diimport dari luar negara, Kementerian melalui Lembaga Koko Malaysia telah dan sedang melaksanakan pelbagai program bagi meningkatkan pengeluaran biji koko dalam negara. Jumlah keluasan tanaman koko di seluruh negara tahun 2013 adalah 13,728 hektar, peningkatan sebanyak 17% berbanding 11,748.42 hektar pada tahun 2012. Peningkatan kawasan tanaman koko adalah terbesar di negeri Sabah, di mana ia menyumbang hampir 37% atau 5,050 hektar daripada jumlah keluasan tersebut.

Tuan-tuan dan puan-puan,

5. Kementerian telah menyediakan dasar dan hala tuju strategi pembangunan komoditi seperti yang digariskan di bawah Dasar Komoditi Negara (DKN), bagi tempoh 2011 hingga 2020. Antara objektif pelaksanaan DKN adalah untuk meningkatkan sumbangan industri komoditi kepada pembangunan negara, memodenkan industri komoditi agar lebih berdaya saing, mengalakkan pertumbuhan rangkaian industri, meningkatkan pendapatan pengusaha industri komoditi dan menjadikan Malaysia pusat kecemerlangan teknologi komoditi. Dalam kes industri koko, sasaran keluasan tanaman koko adalah seluas 22,000 hektar dengan pengeluaran biji koko tidak kurang daripada 29,000 tan menjelang tahun 2020.

6. Program Tanaman Baru Koko 2014 yang disertai oleh tuan-tuan dan puan-puan adalah diterajui oleh Lembaga Koko Malaysia (LKM), sebuah agensi di bawah Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC). Program ini dilaksanakan dengan peruntukan sebanyak RM16 juta dan mensasarkan keluasan tanaman koko sebanyak 2,000 hektar setahun di seluruh negara. Daripada jumlah tersebut, seluas 1,200 hektar adalah di Sabah, meliputi Ranau 500 hektar, Tenom 440 hektar, Pantai Barat Utara 160 hektar dan Tawau 100 hektar. Bagi kawasan Ranau, peruntukan sebanyak RM4 juta telah disediakan.

7. Selain daripada Program Tanaman Baru Koko, LKM juga menjalankan Program Peningkatan Produktiviti Koko (PPPK) 2014 dengan sasaran seluas 1,020 hektar dengan peruntukan sebanyak RM15.5 juta. Program PPPK ini adalah untuk meneruskan insentif

kepada penanam koko sedia ada, di samping meningkatkan produktiviti kebun koko mereka. Selain itu, Program Pembangunan Nurseri Koko 2014 juga dilaksanakan bagi membekalkan anak pokok koko sebanyak 900,000 kepada program Tanaman Baru Koko dan tanaman sulaman.

8. Melalui program-program pembangunan tanaman koko yang disediakan, saya berharap tuan-tuan dan puan-puan akan terus kekal dalam penanaman koko. Koko merupakan satu tanaman komoditi yang berpotensi untuk menambah pendapatan para petani. Harga pasaran biji koko semasa adalah stabil di antara RM6,000 hingga RM8,000. Di samping itu, terdapat permintaan bagi biji koko oleh para kilang pengisar tempatan. Selain itu, Lembaga Koko Malaysia juga telah menyediakan Program Khidmat Sokongan Pemasaran Domestik (KSPD) di kawasan tertentu bagi membantu para petani menjual biji koko pada harga yang berpatutan. Pada tahun 2013, sebanyak 261 tan biji koko telah dibeli oleh KSPD dari 2,358 orang petani.

Tuan-tuan dan puan-puan,

9. Selain daripada penanaman koko, tuan-tuan dan puan-puan juga boleh menceburi industri pemprosesan biji koko basah dan pembuatan coklat buatan tangan. Pusat Pemprosesan dan Pengeringan Biji Koko boleh dibangunkan melalui kelompok, persatuan atau koperasi. Saya difahamkan terdapat 14 buah pusat pemprosesan dan pengeringan biji koko di Sabah. Pusat pemprosesan di Ranau adalah di Kg. Togop Darat, Kg Togis dan Kg. Singgarong Baru. Pada petang ini, saya akan melawat dan merasmikan satu lagi Pusat Pemprosesan Koko yang baru, di Kg. Kinopolidan. Manakala, premis coklat buatan tangan yang pertama, di bawah bimbingan Lembaga Koko Malaysia (LKM) telah saya

rasmikan kelmarin, di *Chocolate Gallery* Nabalau. Dengan adanya perkembangan yang positif ini, saya mengucapkan tahniah kepada semua yang terlibat dalam membangun dan memajukan industri koko di Ranau, Sabah.

10. Saya percaya penduduk di kawasan Ranau ini masih mempunyai tanah lapang untuk mengusahakan tanaman koko, atau menanam koko secara integrasi bersama tanaman lain seperti pokok buah-buahan. Saya yakin dan percaya bahawa program yang ditawarkan oleh Lembaga Koko Malaysia ini akan dapat meningkatkan taraf sosioekonomi penduduk di sini selain memberi pekerjaan dan pendapatan kepada para belia tempatan. Langkah ini juga akan mengurangkan kebergantungan kepada tenaga buruh asing.

11. Oleh yang demikian, saya menyeru kepada para peserta kursus agar mengambil kesempatan ini untuk menimba sebanyak mungkin ilmu dan kemahiran melalui Kursus Asas Tanaman Koko ini. Kemahiran yang diperolehi ini seharusnya diamalkan untuk mengusahakan kebun koko masing-masing. Seterusnya menyampaikan pula kemahiran dan pengetahuan ini kepada ahli keluarga, sanak saudara atau peserta lain yang tidak dapat berkesempatan menghadiri kursus ini.

12. Selain daripada itu, para peserta kursus sekalian diharap dapat mempromosikan tanaman koko kepada lebih ramai penduduk kampung supaya Tanaman Koko di Ranau berupaya menjadi salah satu hub pengeluar koko utama di Sabah. Kementerian amat menyokong dan akan menjadi pemudah cara bagi mendapatkan bantuan infrastruktur dan keperluan lain supaya penduduk di sekitar kawasan ini dapat

mengusahakan tanaman koko dan menjual hasil koko dengan mudah dan lancar.

Tuan-tuan dan puan-puan,

13. Sebelum saya mengakhiri ucapan, saya sekali lagi ingin mengucapkan tahniah kepada para peserta yang berjaya mengikuti kursus ini. Syabas juga diucapkan kepada Lembaga Koko Malaysia atas daya usaha menjalankan program dan kursus ini.

Dengan lafaz *bismillahirrahmanirrahim*, saya dengan rasminya menutup Kursus Asas Teknologi Tanaman Koko bagi Program Tanaman Baru 2014 Bilangan 1, Ranau.

Sekian, terima kasih

Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi
11 Februari 2014